

# Rentas Borneo: UMS dekati masyarakat Magandai

UB 20.4.2017 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi akan menganjurkan program Rentas Borneo dengan memilih Kg Sg Magandai, Kota Marudu sebagai destinasi pada tahun ini.

Rentas Borneo yang memasuki tahun keempat penganjuran merupakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) UMS yang menjelajah ke kampung-kampung di pedalaman Sabah menggunakan khidmat kenderaan pacuan empat roda daripada Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda UMS.

Menurut Timbalan Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin, peserta dan sukarelawan Rentas Borneo kali ini akan berkampung di Sekolah Kebangsaan Magandai selama lima hari bermula pada 23 hingga 28 April ini.

"Seramai 100 peserta dan sukarelawan akan mengikuti program ini dengan menggunakan sebanyak 30 kenderaan pacuan empat roda," katanya yang juga pengerusi Rentas Borneo.

"Banyak aktiviti bersama penduduk kampung akan dijalankan seperti pembinaan mini hidroelektrik, perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan pergigian, demonstrasi cantuman pokok, sukaneka, demonstrasi makanan tradisi, motivasi, gamification bersama pelajar sekolah, gotong-royong dan banyak lagi," jelasnya.

Tambah beliau, UMS telah beberapa kali menjalankan CSR di kampung itu dan Rentas Borneo kali ini akan dapat memberi peluang kepada para peserta untuk melihat perkembangan susulan daripada Eksplorasi Magandai yang telah dijalankan di SK Magandai sebelum ini.

Penganjur Rentas Borneo juga menjemput badan-badan korporat, persatuan, mahupun individu yang ingin menyalurkan sumbangan barangan keperluan seperti makanan, barangan mentah, pakaian, buku mahupun alat tulis.